

# Perdana Menteri bayangkan inisiatif menarik RMK-9

UM - 31/1/2006

PULAU PINANG 30 Jan. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini membayangkan suatu inisiatif menarik menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang akan membawa manfaat kepada Pulau Pinang.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan bagaimanapun enggan mendedahkan mengenai perkara itu kerana ia perlu dibentangkan di Parlimen, April ini terlebih dahulu.

"Saya tidak berhasrat mengumumkan apa yang menarik itu tetapi ia akan memanfaatkan Pulau Pinang," katanya ketika berucap pada majlis rumah terbuka Tahun Baru Cina anjuran Dewan Perhimpunan Cina Pulau Pinang (DPCPP) di sini.

Menurut Abdullah, perkara itu akan meningkatkan lagi keupayaan Pulau Pinang di samping

memberi sumbangan lebih baik kepada negeri itu.

Sebelum itu, Presiden DPCPP, Datuk Seri Lim Gaik Tong berharap, RMK-9 akan menjadi satu rancangan yang memberi manfaat kepada seluruh rakyat.

"Kita menyokong pelaksanaan RMK-9 yang berpegang teguh kepada empat prinsip," katanya.

Prinsip-prinsip itu ialah:

- Mengekalkan polisi pembahagian pendapatan dan peluang secara adil dan saksama.
- Meneruskan pemberian insentif kepada sektor swasta terutama industri kecil dan sederhana.
- Pembangunan sumber manusia - membina masyarakat berlandaskan asas ekonomi dan pengetahuan.
- Memperbaiki perkhidmatan awam untuk mengurangkan kod perdagangan.